



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

JUMAAT, 5 JANUARI 2024

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

5/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	TUBUH SURUHANJAYA WANITA TANGANI ISU JURANG GENDER	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1195983/tubuh-suruhanjaya-wanita-tangani-isu-jurang-gender	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	WANITA UMNO TERUS PRIHATIN, NORAINI ZIARAH KELUARGA KANAK-KANAK MATI LEMAS	
	https://umno-online.my/2024/01/04/wanita-umno-terus-prihatin-noraini-ziarah-keluarga-kanak-kanak-mati-lemas/	UMNO-ONLINE.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	MAHU BUKA PUSAT JAGAAN IBU BERSALIN	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1196041/mahu-buka-pusat-jagaan-ibu-bersalin	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	JOIN THE WHITE RIBBON RUN TO FIGHT AGAINST GENDER-BASED VIOLENCE	
	https://www.thestar.com.my/lifestyle/family/2024/01/04/join-the-white-ribbon-run-to-fight-against-gender-based-violence	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	SERAMAI 57 MANGSA BANJIR PERTAMA DIPINDAHKAN DI KLUANG	
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/57-mangsa-banjir-pertama-dipindahkan-di-kluang/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/04/17-keluarga-mangsa-banjir-pertama-di-kluang/	KOSMO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

5/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
6	WANITA MAUT DITIKAM DALAM PERGADUHAN	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-maut-ditikam-dalam-pergaduhan-452649	ASTROAWANI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/642595/berita/semasa/wanita-maut-ditikam-dalam-pergaduhan	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/04/wanita-maut-teman-lelaki-cedera-bergaduh-dengan-pekerja/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/wanita-maut-teman-lelaki-cedera-dalam-pergaduhan-dengan-pekerja/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1047133/wanita-maut-dipercayai-dibunuh-pekerja	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	SUAMI PUKUL ISTERI KERANA SURAT NIKAH	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1047214/suami-pukul-isteri-kerana-surat-nikah	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1196195/salah-faham-hal-surat-nikah-isteri-cedera-dipukul-suami	BHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/04/belasah-isteri-kerana-mahukan-surat-nikah/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/pukul-isteri-sarat-mengandung-kerana-mahu-dapatkan-surat-nikah/	UTUSAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2024/01/04/pukul-isteri-mengandung-kerana-mahu-surat-nikah/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.melakahariini.my/lelaki-pukul-isteri-hingga-cedera-semata-mata-tutup-pintu-dengan-kuat-ditahan/	MELAKAHARIINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	PENYELAM DIDAKWA CABUL WANITA	
	https://www.dailyexpress.com.my/news/226362/penyelam-didakwa-cabul-wanita/	DAILYEXPRESS.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

5/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
9	AMALAN LESTARI KOMPREHENSIF	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1047079/amalan-lestari-komprehensif	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1196068/bayer-pacu-kemajuan-tingkatkan-kualiti-hidup-rakyat-malaysia	BHARIAN.COM.MY



Tubuh Suruhanjaya Wanita tangani isu jurang gender

Oleh Sariha Mohd Ali dan Suzalina Halid - Januari 4, 2024 @ 11:21am
bhnews@bh.com.my



Kuala Lumpur: Suruhanjaya Wanita perlu ditubuhkan di negara ini bagi memastikan hasrat 50 peratus penyertaan golongan itu dalam pelbagai bidang termasuk kepimpinan politik, jawatan eksekutif atau keahlian dalam panel dan lembaga membuat keputusan berjaya dicapai berbanding hanya 32 peratus kini.

Gesaan itu disuarakan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) berkaitan wanita dan modal insan yang menyifatkan kewujudannya kelak penting sebagai faktor penolak utama dalam mengangkat martabat wanita, khususnya dalam bidang profesional dan korporat.

Pengerusi Kumpulan Rangkaian Sumber Manusia, Datuk Nora Manaf, berkata sasaran baharu pembabitan wanita kepada sekurang-kurangnya 50 peratus berbanding 32 peratus sekarang boleh dicapai dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun dengan adanya suruhanjaya khas yang berperanan mengenal pasti dan menonjolkan bakat wanita yang perlu diketengahkan.

Katanya, persepsi organisasi berhubung stereotaip dan diskriminasi gender atau budaya yang menghalang kemajuan wanita ke jawatan tinggi tidak sepatutnya berlaku dan Malaysia perlu bersaing dengan negara lain dalam memelopori usaha mengiktiraf golongan itu yang dilihat seakan diketepikan sejak bertahun lalu.

"Setakat ini, suruhanjaya sama sudah diwujudkan di United Kingdom dan kita boleh lihat bagaimana mereka menjajaknya dengan mengangkat pembabitan wanita berdasarkan kelayakan dan kemampuan menyumbang melangkaui persepsi gender," katanya kepada BH.

Sebelum ini, firma penyelidikan pasaran, TA Securities melaporkan Malaysia masih ketinggalan dari segi kesaksamaan jantina dalam pasaran pekerjaan berbanding negara lain.

Menurut 30% Club Malaysia pula, golongan wanita mencatatkan hanya 30.6 peratus dalam jawatan Lembaga Pengarah di 100 syarikat senarai awam (PLC) utama di Malaysia dan hampir 25 peratus di semua PLC di Bursa Malaysia.

Dasar meletakkan 30 peratus sekurang-kurangnya pembabitan wanita sebagai pembuat keputusan atau ahli lembaga pengarah syarikat ditetapkan lebih sedekad lalu dan sehingga kini, sektor awam sudah mencapai sasaran 37.3 peratus dalam perkara itu.

Nora yang juga Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan Maybank berkata, melalui suruhanjaya itu, aspek advokasi turut ditekankan kepada wanita yang mungkin mempunyai keupayaan dan kepakaran, tetapi kurang aspek keyakinan diri untuk diketengahkan.

Memberi contoh penubuhan suruhanjaya wanita dalam Maybank sendiri pada 2013, Nora berkata, kejayaannya terbukti apabila pihaknya berjaya melantik wakil wanita pertama sebagai pengurus besar cawangannya di New York, Amerika Syarikat tujuh tahun lalu.

"Pelantikan wanita ke jawatan penting itu bukan dibuat hanya kerana mahu mengangkat golongan berkenaan, namun ia dilakukan selepas menilai kepakaran dan kebolehan mereka menjalankan tugas besar yang diberikan itu.

"Proses pemilihan masih sama dengan melalui sesi temu duga yang ketat dan melihat kepada merit. Jawatan itu sebelum ini hanya diisi lelaki, namun selepas ada kekosongan, kita membuka peluang sama rata tanpa mengambil kira faktor gender dan ia menghasilkan keputusan yang di luar jangka," katanya.

Sokong syor penubuhan

Presiden Persatuan Wanita Inspirasi Negara, Norhimah Aziz, turut mengalu-alukan cadangan penubuhan Suruhanjaya Wanita yang boleh berfungsi sebagai 'payung' kepada wanita dan menghapuskan jurang gender, dengan syarat ia perlu dikemudi 100 peratus wanita termasuk pakar dan wakil daripada NGO.

"Ramai pihak masih sinis terhadap kemampuan dan kekuatan wanita untuk melaksanakan tugas dikuasai lelaki dan kita lihat Malaysia masih jauh ketinggalan dalam aspek pemeraksanaan wanita ini.

"Kita ada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, namun skopnya lebih besar kerana turut membabitkan aspek kebajikan dan kanak-kanak, jadi jika adanya suruhanjaya ini, ia boleh memfokuskan 100 peratus terhadap usaha pembangunan bakat wanita ini," katanya.

Norhimah berkata, pihaknya turut mencadangkan kerajaan memberikan insentif kepada mana-mana organisasi dan syarikat yang berjaya melantik melebihi 30 peratus golongan wanita sebagai pembuat keputusan.

"Wanita mungkin menghadapi cabaran untuk memasuki arena politik atau kecenderungan untuk tidak mendapat sokongan mencukupi dalam mencapai jawatan tinggi, tetapi ini bukan alasan untuk mengetepikan mereka sepenuhnya.

"Banyak isu wanita boleh diselesaikan khasnya membabitkan kesaksamaan gender termasuk peluang, gaji yang tidak setara, persepsi masyarakat dan pengalaman tidak seimbang di tempat kerja.

"Jadi, menerusi suruhanjaya itu, kita akan lipat ganda usaha untuk meningkatkan sokongan dan peluang bagi wanita mencapai peranan dan jawatan lebih tinggi dalam masyarakat," katanya.



Pengerusi Kumpulan Rangkaian Sumber Manusia, Nora Manaf.



Wanita UMNO Terus Prihatin, Noraini Ziarah Keluarga Kanak-kanak Mati Lemas

📅 4 January 2024 📁 Berita Lain, Berita Utama

KUALA LUMPUR, 4 Jan – Ketua Wanita UMNO Malaysia, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad menziarahi waris kanak-kanak yang meninggal akibat lemas di Rantau Panjang.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bertemu dengan keluarga Allahyarham Nor Damia Qaisara Mohd Sabre dan Allahyarham Siti Aisyah Mahzi yang meninggal dunia ketika bermain banjir di sungai Kampung Petai Dusun.

"Malang tidak berbau. Semasa kejadian banjir di Kelantan, dua orang kanak-kanak telah dilaporkan lemas. Kedua-dua mereka terjatuh ke dalam air ketika bermain banjir di sungai Kampung Petai Dusun, Baroh Pial pada 24 Disember 2023 yang lalu. Saya telah menziarahi 2 keluarga kanak-kanak mangsa lemas di Rantau Panjang, Kelantan semalam.



"Kami ke rumah pertama menyantuni keluarga mangsa Allahyarham adik Nor Damia Qaisara Mohd Sabre berusia 11 tahun di Kampung Baroh Pial, Rantau Panjang. Allahyarham adalah anak pertama dari tiga orang adik beradik dan

bersekolah di Sekolah Kebangsaan Baruh Pial, Rantau Panjang. Jasad adik Nur Damia Qaisara ditemukan lemas sehari selepas mayat Siti Aisyah dijumpai tidak jauh dari kawasan mereka bermain air.

"Turut menziarahi ahli keluarga Allahyarham adik Siti Aisyah binti Mahzi di Kampung Petai Dusun, Rantau Panjang. Allahyarham juga bersekolah di Sekolah Kebangsaan Baruh Pial dan juga merupakan anak pertama dari tiga beradik. Kedua-dua mereka adalah rakan sekelas yang sentiasa melakukan aktiviti bersama," katanya menerusi satu hantaran di Facebook.




Ketika kunjungan tersebut beliau turut sama memberikan bantuan keperluan asas dan mendoakan kesejahteraan kepada ibubapa Allahyarham agar bersabar menemпуhi ujian yang melanda tersebut.

Turut sama menziarahi keluarga mangsa ialah Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Dr Maziah bt Che Yusuf, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan kebajikan Negara Nordina bt Harun dan Timb Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Kebajikan Masyarakat Wan Noraidah Wan Mohd Zain.

Untuk rekod banjir gelombang ketiga di Kelantan sepenuhnya semalam selepas pusat

pemindahan sementara (PPS) di Sekolah Kebangsaan (SK) Gual To'Deh, Rantau Panjang ditutup pada 3 petang semalam.

Sekretariat Pengurusan Bencana Kelantan dalam satu kenyataan berkata, 26 mangsa banjir yang ditempatkan di PPS yang dibuka pada 16 Disember lalu itu dibenarkan pulang ke rumah mereka hari ini. – *UMNO Online*



Mahu buka pusat jagaan ibu bersalin

Oleh Muhammad Zulayamini Sufian Suri - Januari 4, 2024 @ 1:16pm
bhnews@bh.com.my



Program BizNita bantu Noorwara Eliya miliki peralatan menjalankan khidmat spa. - Foto ihsan Noorwara Eliya

IPOH: Memiliki status ketaulahan, pengalaman dan pengetahuan amat penting bagi pengamal penjagaan ibu bersalin atau postnatal pada masa kini.

Menyedari hal ini, Noorwara Eliya Zakaria, 42, yang berkecimpung menjalankan khidmat spa bergerak bagi penjagaan ibu selepas bersalin dan berpengalaman 19 tahun dalam bidang ini sentiasa mengambil inisiatif meningkatkan diri.

Beliau yang sedang mengikuti Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 dalam bidang perawatan postnatal, turut bercita-cita mahu membuka sebuah pusat jagaan ibu bersalin sendiri suatu hari nanti.

Katanya, ini berikutan perkhidmatan atau bidang ini kurang diteroka Bumiputera sedangkan, permintaan urutan tradisional khususnya, agak tinggi terutama di kawasan bandar.

"Permintaan urutan tradisional ini juga agak tinggi di kawasan Ipoh, namun tidak ramai Bumiputera menceburinya. Ini mungkin tiada kemahiran dan pengetahuan mengenai urutan selepas bersalin.

"Bagi individu yang ingin menawarkan perkhidmatan itu memang sewajarnya mempunyai pengetahuan mencukupi," katanya yang memiliki Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dalam bidang urutan terapi.

Menurut Noorwara Eliya, kemahiran mengurut diwarisi daripada arwah ibunya yang juga bidan tradisional, sejak beliau masih menuntut di bangku sekolah.

Ibu kepada tiga anak berusia 18 hingga 21 tahun ini berkata, dengan pengetahuan dan pengalaman yang ada beliau menjalankan perkhidmatan spa bergerak atas jenama Eiz Mobile Spa.

Katanya, perkhidmatan spa bergerak diusahakan dan bergerak di sekitar Pengkalan, Ipoh menawarkan khidmat urutan selepas bersalin dan juga perkhidmatan lain termasuk urutan terapi, mandi bunga, bekam, urutan naik seri, urutan kesihatan, dan penjagaan ibu serta anak dalam pantang.

"Saya belajar mengurut daripada arwah emak ketika di Tingkatan 4, sebelum mengikuti pengajian tahap sijil SKM selepas tamat menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Selain SKM saya juga ada mengikuti beberapa program serta kursus lain yang kemudiannya, memperkenalkan saya dengan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) melalui Kelab Wanita Ikon Malaysia.

"DKM Tahap 4 yang sedang saya ambil adalah bagi membolehkan saya memperoleh pengiktirafan seperti yang dikehendaki oleh Kementerian Kesihatan (KKM) sekali gus membolehkan saya meneruskan impian membuka pusat jagaan wanita berpantang sendiri kelak," katanya kepada BH.

Katanya, pembabitan dalam kelab bersama JPW sehingga hari ini, turut membolehkan dia memperoleh bantuan melalui Program Pengupayaan Ekonomi Wanita (BizNita) kelolaan agensi kerajaan negeri iaitu Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak (Wanita Perak) berjumlah kira-kira RM3,000 dalam bentuk peralatan bagi mengendalikan perniagaan.

Katanya, bantuan berkenaan diperolehnya tahun lalu sedikit sebanyak membantunya menampung memiliki keperluan peralatan dalam menjalankan perkhidmatan spa diusahakan, antaranya kelengkapan sauna mudah alih, kerusi bertangas, bagasi untuk membawa peralatan mengurut, set bekam dan katil khas bagi urutan.



"Sebelum itu saya pernah memohon bantuan namun tidak melepasi kelayakan. Alhamdulillah, melalui program BizNita saya berjaya memperoleh bantuan dan memudahkan perjalanan perniagaan.

"Dengan bantuan tambahan peralatan itu ia melancarkan perkhidmatan yang saya tawarkan kepada pelanggan. Contohnya, dalam satu masa saya dapat banyak tempahan pelanggan, tetapi agak sukar sekiranya saya hanya ada satu set barangan untuk mengambil tempahan lain. Namun, dengan peralatan baharu saya boleh meninggalkan barangan itu seketika di rumah pelanggan, lalu menggunakan set peralatan lain di rumah pelanggan seterusnya," katanya.

Di bawah pelan pembangunan negeri Perak Sejahtera 2030 cetusan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad, Wanita Perak (Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak) diletakkan sebagai antara agensi peneraju dalam mencapai sasaran agenda 1 Warga 1 Skil dan 1 Keluarga 1 Usahawan di bawah 'flagship' Program Pembolehdayaan Modal Insan & Pembelajaran Sepanjang Hayat.



Join the White Ribbon Run to fight against gender-based violence

By MING TEOH
Photos By ART CHEN

FAMILY
Thursday, 04 Jan 2024
2:00 PM MYT



Break the Silence, End the Violence is the theme of the White Ribbon Run, says AWAM deputy president Ng.

As a child, Myra grew up in a home where there was domestic violence, but she thought it was "normal".

"I never realised that other families functioned very differently from my family. The atmosphere at home was usually very harsh and tense. I thought this was 'normal' as I had never been to anyone else's home before. But when I was 18, I had a boyfriend (now my husband) and when I went to his home, I was so amazed and astonished because there was love and acceptance, it's so different from my home," she says.

"If only I had this awareness much sooner while still in school - that the violence was wrong and not normal - I would have spoken up earlier instead of enduring it until I was 18. By then, it was already too late," she adds.



The theme of this year's White Ribbon Run is 'Break the silence, end of the violence.' Photo: AWAM

"Break the Silence, End the Violence" is the theme for this year's White Ribbon Run and Campaign which aims to help eliminate gender-based violence, says All Women's Action Society (AWAM) deputy president Dr May Ng.

"Our society is reserved in the sense of whatever happens at home, people usually don't tell it to others outside. And this is applicable whether you are male or female, young or old," she says.

"Hence, a person who grows up in an environment of abuse might not realise that anything is out of the ordinary. They might think 'it's normal'," she adds.

This is why creating awareness on gender-based violence is so important, says Ng.



The team at AWAM.

"This is AWAM's fifth year doing the run. The last time was in 2016, and we thought it's time to reintroduce the campaign and run, especially since the Sexual Harassment Act enacted in 2022 has provided a huge impetus to our work in eliminating gender-based violence," she says.

"Another purpose of the run is also to raise funds to sustain our work to help survivors of gender based violence," she adds. "Although we try to help all those in need of assistance, our target is to reach out to those in the lower socio-economic strata of society because they don't have ready-access to information on gender-based violence."

"So, we bring the information to them through roadshows and setting up booth at events, and often at our own cost. This is why we need to raise funds," says Ng.

Besides advocacy and creating awareness, AWAM provides corporate training to companies - on what gender-based violence is, what to do if it happens, etc - because under the Employment Act, employers must take action if sexual harassment happens.



Join the White Ribbon Run to help end gender-based violence. Photo: AWAM

Informing on policy

AWAM is also involved in policy making. They engage closely with Government Ministries to provide consultation and feedback on policies that the Government plans to implement.

Besides the Women's Ministry, AWAM also works closely with the Youth and Sports Ministry to help them come up with the Safe Sports Code which helps prevent sexual harassment and misconduct among the sports community.

They also engage with the Bar Council, taking in young lawyers throughout the year so that they can practise their community service - at AWAM, they provide free legal services to the underprivileged in the community.



AWAM runs the Telenita Helpline.

AWAM also runs the Telenita Helpline where most of the calls are of domestic violence, gender-based violence (harassment, assault), mental health issues, work related issues, and others.

Internationally, the White Ribbon Campaign was started as the world's largest movement of men and boys working to end violence against women and girls, promote gender equity, healthy relationships and a new vision of masculinity.

It first originated in Canada in 1991 when a group of men wanted to address the issue of violence against women after an incident known as the Montreal Massacre happened in an educational institution in Montreal in 1989. Since then, it has evolved into a global movement with activities and events taking place in more than 60 countries.

"As a women's group in Malaysia, we resonate with what the rest of the world is going through in terms of international movements against gender-based violence, such as the "Me Too" movement which first originated in USA in 2006 and was later reinforced with the hashtag #MeToo in 2017," says Ng.

"Similarly, the White Ribbon Campaign is a good way to create more awareness in our country about gender-based violence, which happens everywhere in the world, and not just in Malaysia or Asia."



There are 30 exciting prizes up for grabs including a Samsung TV, Galaxy smartphones and more. Photo: AWAM

When asked "why a run", Ng says that one of the best ways to carry a message, besides viralling it online, is to wear it.

"A run is an event with many people, and the T-shirt that we provide to the participants is more than just a beautiful design - it carries the vital message 'Break the silence, end the violence'. When participants wear it, they are generating awareness about the issue of gender-based violence," she explains.

Every person that joins the run is one message on ending gender-based violence passed. And if each person that joins passes that message on to at least one other person, there will be a snowballing effect, says Ng.

The run takes place on Sun, Jan 14 at Padang Merbok, Kuala Lumpur. There are three categories (3km, 5km and 10km) and 30 amazing prizes - including a Samsung TV, Galaxy smartphones, and more - up for grabs.



Seramai 57 mangsa banjir pertama dipindahkan di Kluang



R. VIDYANANTHAN (kiri) meninjau keadaan banjir di Kampung Contoh, Kahang, Kluang.

Oleh ADNAN IBRAHIM | 4 Januari 2024, 5:30 pm

KLUANG: Seramai 57 orang daripada 17 keluarga di Kampung Contoh, Kahang, dekat sini menjadi mangsa banjir pertama yang dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) di daerah ini.

Semua penduduk dipindahkan kira-kira pukul 1 petang tadi selepas air mula memasuki kawasan kediaman mereka sedalam satu meter.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kahang, R. Vidyananthan berkata, jika hujan berterusan hingga lewat petang ini dijangka lebih ramai penduduk di kampung itu akan dipindahkan.

Katanya, paras air menunjukkan kenaikan dan pasukan penyelamat seperti Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) juga sudah bersedia untuk sebarang kemungkinan.

"Semua mangsa kini ditempatkan di Dewan Serbaguna Majlis Perbandaran Kluang (MPK) dan diselaraskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).


"Bekalan makanan juga sudah diselaras oleh pihak JKM," katanya selepas meninjau operasi pemindahan mangsa hari ini.

Vidyananthan turut berharap penduduk Kampung Contoh yang belum dipindahkan agar sentiasa bersedia sekiranya diminta berpindah oleh pasukan penyelamat.

Katanya, turut membantu menguruskan mangsa adalah Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Pasukan Sukarelawan Rakyat Malaysia (Rela).

"Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Kahang akan sentiasa bekerjasama dengan Pejabat Daerah Kluang serta semua agensi berkaitan untuk memastikan semua keperluan seperti kit banjir dan makanan mencukupi sepanjang mangsa berada di PPS ini," katanya. –

UTUSAN



Wanita maut ditikam dalam pergaduhan

Sinar Harian

Januari 4, 2024 15:05 MYT



Mangsa yang juga pemilik perniagaan disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian dengan kesan tikaman. - Gambar/ Sinar Harian

IPOH: Seorang wanita maut dipercayai ditikam pekerja dalam satu pergaduhan di sebuah kedai serbaneka di Taman Rasi Jaya dekat Menglembu di sini pada Khamis.

Dalam kejadian sekitar jam 10.55 pagi itu, mangsa Lee Siew Lean, 49, yang juga pemilik perniagaan meninggal dunia di tempat kejadian akibat kecederaan parah.

Kejadian turut mengakibatkan teman lelaki mangsa berusia 42 tahun cedera selepas cuba membantu menyelamatkan mangsa.

Ketua Polis Perak, Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri berkata, siasatan awal mendapati, berlaku perselisihan faham antara mangsa dengan seorang pekerjanya mengenai masalah kewangan.

"Disebabkan perkara itu, pekerja lelaki berusia 54 tahun terbabit telah menikam mangsa menggunakan senjata tajam," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, suspek warga tempatan yang turut cedera dalam kejadian itu berjaya diberkas polis.

Katanya, semakan mendapati, suspek mempunyai empat rekod jenayah lampau.

"Polis akan mendapatkan perintah reman ke atas suspek esok (Jumaat). Kes diklasifikasikan sebagai bunuh dan disiasat di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan," katanya.

Tinjauan di lokasi mendapati, pasukan forensik yang menjalankan siasatan menemui sebilah pisau yang dipercayai digunakan suspek dalam kejadian itu.

Sementara itu, saksi kejadian yang ditemui ada mendengar suara jeritan seorang wanita.

"Saya ingatkan itu jeritan biasa, tak sangka ada kes pergaduhan hingga membawa kematian," katanya yang enggan dikenali. - [Sinar Harian](#)



Suami pukul isteri kerana surat nikah

Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my



GAMBAR hiasan.

Ampang Jaya: Kerana salah faham mengenai surat nikah, seorang lelaki tergamak memukul isterinya hingga cedera di rumah mereka di Taman Bukit Terai di sini.

Perbuatan dayusnya itu menyebabkan dia ditahan polis kelmarin, dan kini direman empat hari hingga Sabtu.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail berkata, penahanan suspek berusia 24 tahun susulan laporan dibuat isterinya, 23, pada 27 Disember lalu.

Katanya, siasatan awal mendapati pasangan itu bergaduh selepas suspek mahu mendapatkan surat perakuan nikah yang disimpan mangsa.

"Suspek bertindak memukul mangsa dengan tangan hingga mangsa mengalami kecederaan tisu lembut pada kaki, tangan dan muka.

"Suspek ditahan pada 12.15 tengah hari kelmarin di sini dan ujian air kencing dijalankan mendapati dia negatif dadah," katanya dalam kenyataan.

Bagaimanapun, katanya semakan mendapati suspek mempunyai satu rekod lampau berkait dadah dan dia kini disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan Seksyen 18A Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

Disiarkan pada: Januari 4, 2024 @ 5:46pm



Penyelam didakwa cabul wanita

Published on: Thursday, January 04, 2024

By: Crystal E Hermenegildus



Pertuduhan di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan itu memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun, atau denda atau sebatan, atau mana-mana dua daripada hukuman itu, jika sabit kesalahan.

KOTA KINABALU: Seorang penyelam didakwa mencabul seorang wanita oleh Mahkamah Majistret, Rabu.

Mohd Ernizam Mohd Yasin, 31, mengaku tidak bersalah di hadapan Majistret Lovely Natasha Charles atas dakwaan melakukan kesalahan itu terhadap mangsa pada 23 Dis 2023, pukul 12.57 tengah hari, di sebuah Kuarters di Tanjong Aru.

Pertuduhan di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan itu memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun, atau denda atau sebatan, atau mana-mana dua daripada hukuman itu, jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa, Inspektor Kelvan Elson Maik ketika memohon tarikh sebutan, mencadangkan ikat jamin RM4,000 dan dua penjamin tempatan.

Peguam Dilantik, Lim Ming Zoong @Lawrence, meminta jumlah jaminan minimum kerana dia perlu menjaga ibunya.

Mahkamah membebaskan tertuduh dengan ikat jamin RM2,000 beserta dua orang penjamin tempatan dan menetapkan pengurusan kes pra-perbicaraan pada 7 Feb.

Dalam kes berasingan, seorang tukang masak didakwa mencero boh kawasan sekolah.

Mohd Affi Nanun, 37, mengaku tidak bersalah atas dakwaan melakukan kesalahan itu pada 11-12 Nov 2023, jam 8 malam hingga 8 pagi, di pra-kelas di Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Padang, Luyang.

Pertuduhan mengikut Seksyen 448 Kanun Keseksaan itu memperuntukkan hukuman penjara sehingga tiga tahun atau denda sehingga RM5,000, atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Kelvan mencadangkan ikat jamin RM4,000 beserta dua penjamin tempatan. Bagaimanapun, Lim meminta jumlah jaminan yang ringan.

Mahkamah membebaskan Affi dengan ikat jamin RM1,500 serta dua penjamin tempatan dan menetapkan pengurusan kes pra-perbicaraan pada 7 Feb.



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT



Amalan lestari komprehensif

Sri Ayu Kartika Anni
kartika@medalpro.com.my



Bayer adalah syarikat sains tanaman inovatif yang terulung di dunia dalam bidang bi benih dan perlindungan tanaman.

Kuala Lumpur: Sumbangan terhadap pembangunan berterusan menjadi elemen penting daripada strategi dan nilai Bayer Co (Malaysia) Sdn Bhd (Bayer), jenama global terkemuka dalam bidang sains hayati perijaksanaan kesihatan dan pemakanan.

Dipandu oleh visi Health for All, Hunger for None, Bayer memenui Team Bayer Malaysia terus berusaha untuk mencapai hasil yang lebih baik bagi pesakit, memenui amalan lestari komprehensif petani dan produk terbaik untuk segenap lapisan pengguna.

Melalui misi yang sama, Health for All, Hunger for None memotivasi dan memacu lagi Team Bayer Malaysia bagi selesa sahaja yang menjadi teras kepada inovasi dan prestasi Bayer Malaysia.

Bayer mengambil peranan aktif dalam banyak peristiwa penting sepanjang proses pembangunan Malaysia sejak menjauhkan anak syarikat pertamanya di negara ini pada 1972.

Hasil yang lebih baik untuk pesakit

Untuk segmen perijaksanaan kesihatan, Bayer menumpukan pada pemsempaian ubat-ubatan inovatif dan penting terutamanya dalam bidang teresepek kardiologi, onkologi, ginekologi dan oftalmologi, serta menangani cabaran penduduk yang semakin tua di Malaysia.

Syarikat terus memanfaatkan penyelesaian digital untuk memajukan perijaksanaan pesakit, terutamanya mengenai kesihatan reproduktif di mana masih terdapat keperluan yang tidak dipenuhi untuk kaedah perancangan keluarga moden di negara ini.

Menurut stajawan Alpro Pharmacy baru-baru ini, kehamilan tidak dirancang adalah salah satu daripada lima keimbangan utama dalam kalangan wanita di Malaysia.

Namun, satu perempat daripada 1,300 responden wanita tidak menggunakan sebarang kontraseptif dan hampir 50 peratus bergantung pada perancangan keluarga semula jadi atau kaedah tarikan keluar.

Dengan matlamat membolehkan wanita dalam membuat keputusan bijak mengenai perancangan keluarga, Bayer dan Alpro Pharmacy melancarkan Telekonsultasi Perancangan Keluarga Alpro yang menghubungkan profesional kesihatan dan pengguna dari jauh dan mudah.

Sejak pelancaran, lebih 4,500 individu telah mengakses platform untuk memperoleh maklumat dan berunding dengan ahli farmasi mendapatkan nasihat peribadi mengenai kaedah memilih kontraseptif yang sesuai untuk keperluan mereka.

Alat digital lain yang dibangunkan oleh Bayer untuk melengkapkan perkhidmatan perijaksanaan kesihatan wanita sedia ada termasuk Ask Maya chatbot, portal dalam talian dan Siri pendidikan pada Meta.

ALPRO BIRTH CONTROL TELECONSULT
We made it as simple as ABC

019-7931923

019-7931923
019-7931923

Bayer juga bekerjasama dengan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) untuk memacu kesedaran dan pengetahuan tentang kepentingan perancangan keluarga.

Bersempena Hari Kontraseptif Sedunia 2023, Bayer dan LPPKN mengadakan forum advokasi perancangan keluarga untuk menekankan bukan sahaja faedah dan pilihan kontraseptif moden tetapi juga kebebasan dan kepercayaan wanita untuk membuat keputusan termasuk mengenai kesihatan reproduktif mereka, saiz keluarga yang diingini dan jarak kehamilan ahaat.

Selain forum, LPPKN turut menjalankan kempen perancangan keluarga sepanjang bulan September di semua 49 Klinik Nur Sejahtera di seluruh negara dengan menyediakan khidmat nasihat dan kontraseptif percuma kepada wanita yang layak daripada kumpulan B40 dan berisiko tinggi.

Amalan lestari yang lebih baik untuk petani

Bayer adalah syarikat sains tanaman inovatif yang terulung di dunia dalam bidang bi benih dan perlindungan tanaman.

Menerusi Bahagian Sains Tanaman, syarikat ini menawarkan pelbagai produk, perlindungan tanaman dan perkhidmatan di lapangan bermula daripada benih sehingga menuai.

Ini termasuk biji benih bernilai tinggi dan penyelesaian perlindungan tanaman yang inovatif serta pelbagai perkhidmatan sokongan untuk kepentingan moden dan lestari.

Kerjasama bersama agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan petani melalui aktiviti serta program seperti aplikasi penggunaan produk di lapangan dengan betul, lawatan ladang dan penyampaian maklumat memberi manfaat serta rujukan dari aspek perlindungan tanaman bagi memastikan petani mendapat hasil serta pulangan pelaburan yang tinggi.

Selain itu, Bayer sangat mengutamakan faktor kesihatan dan keselamatan alam sekitar demi memastikan keselamatan dan kesegarteraan kepada pengguna dan alam secara amnya.

Tahun ini juga menyaksikan pelancaran varieti benih tomat Bayer dan penyelesaian perlindungan tanaman biologi unggul untuk penanam tomat di Malaysia.

Dengan 201,306 tan diuai pada 2022, tomat mendahului senerei sayur-sayuran yang dikeluarkan di Malaysia (sumber: Jabatan Pertanian Malaysia).

Inovasi benih Bayer yang inovatif dan berdaya tahan membolehkan penanam menghasilkan tomat sepanjang tahun serta membolehkan beberapa penuaian sepanjang tahun.

Pada masa sama, Bayer melabur dalam memberikan penanam pemahaman yang lebih mendalam cara menggunakan biologi dan memanfaatkan kaedah itu sepenuhnya.

Potensi ini menjaga ketahanan kepada penanam dan meningkatkan keyakinan mereka dalam mengubah operasi penanam tomat.

Transformasi kesihatan harian ke arah yang lebih baik

Sebagai salah satu pembekal terkemuka dunia bagi ubat-ubatan bukan preskripsi, suplemen pemakanan dan penyelesaian perijaksanaan diri yang lain, Bayer terus memperkasakan transformasi kesihatan harian dengan membantu lebih ramai rakyat Malaysia mampu memastikan kesihatan mereka sendiri dan menjalani kehidupan lebih baik.

Selain itu, sebagai peneraju dalam perijaksanaan lampin bayi, Bayer menjalankan pensampelan besar-besaran untuk Beperthen Baby Ointment melalui beg keluar hospital kerajaan dan separa kerajaan untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana bagi mendidik ibu mengenai pengetahuan perijaksanaan lampin.

Beperthen Baby Ointment juga diundi sebagai pemenang krim ruam lampin terbaik oleh ibu bapa Malaysia dalam Anugerah Pilihan Ibu Bapa 2023.

Seterusnya, Bayer sangat menekankan rangkaian ekzema baharu kepada keluarga Beperthennya untuk perijaksanaan harian kulit yang lebih ringan, seriatif dan tedah kepada ekzema.

Ekzema dicirikan oleh keradangan, kulit kering, gatal-gatal atau kemerahan pada permukaan kulit.

Ekzema boleh menjelaskan semua peringkat umur. Ia boleh menjengkelkan dan menyakitkan apabila kulit menjadi suar dan merah, menghalang orang daripada melakukan perkara yang mereka sukai.

Sesetengah orang juga menjadi kurang keyakinan terhadap penampelan ekzema dan menyuarikan golongan ini untuk bersosial.


Justeru itu, Bayer sangat komited terhadap kesihatan keluarga dan sudah melakukan penyelidikan selama bertahun untuk meminimumkan ketidakelesaan fizikal dan mental salah satu daripada keadaan dermatologi yang paling biasa pada zaman sekarang.

Matlamat rangkaian ekzema Beperthen adalah untuk mengurangkan kesakitan dan kepayahan dalam perjalanan ini dengan menawarkan kelegaan yang nyata dan berpanjangan kepada pesakit.

Bayer juga terus meningkatkan usaha untuk membantu lebih ramai rakyat Malaysia kekal bertenaga sepanjang hari dengan suplemen kesihatan yang mengandungi vitamin B kompleks dan mineral penting lain.

Berocca dilihat menyokong banyak acara besar-besaran dengan pemberian sampel dalam usahanya untuk mendekati pengguna dan sentiasa berada bersama masyarakat apabila mereka paling memerlukan Berocca sepanjang beraktiviti.

Diarkikan pada: Januari 4, 2024 @ 1:34pm



TAJUK : LELAKI BELASAH ISTERI, ANAK KENCING DI SOFA

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 5 JAN 2024

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Lelaki belasah isteri, anak kencing di sofa

Petaling Jaya: Hanya kerana anak lelaki berusia tiga tahun terkencing di sofa ruang tamu, seorang bapa tergamak memukul kanak-kanak terbabit dan isterinya di kediaman mereka di Taman Putra Damai, Lembah Subang, di sini, Ahad lalu.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Mohamad Fakhruddin Abdul Hamid berkata, suspek berusia 29 tahun yang gagal mengawal kemarahan memukul anak dan isteri di kediaman mereka pada jam 11.50 pagi.

Menurutnya, akibat ke-

jadiannya itu isterinya berusia 27 tahun dan anak mereka mengalami kecederaan fizikal sebelum tampil membuat laporan polis.

“Susulan itu, polis menahan suspek dan direman sehingga 7 Januari ini bagi membantu siasatan.

“Siasatan mendapati punca kejadian kerana anaknya terkencing di sofa ruang tamu,” katanya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan, Seksyen 18A Akta Keganasan Rumah Tangga dan Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001.